

Pementasan seni tersendiri sempena Festival Dekon Makum

Mendeklamasi realiti kehidupan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

PENGANJURAN

Festival Dekon Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Awam Malaysia (Makum) oleh Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKNN) pada tahun ini memberi maksud cukup besar kepada kelangsungan seni terbabit.

Disertai tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA), festival ini merupakan platform penting dalam memberi pendedahan kepada para peserta dalam menimba pengetahuan dan pengalaman mengenai teori dan amalan seni dekon selain membuka ruang

perlu ada minat, kefahaman dan keinginan yang tinggi untuk mendeklamasi apa yang dibaca.

Dekon dipersetujui untuk dijadikan sebagai bentuk lakon baru dalam mesyuarat Makum penghujung 200 dan festival diadakan pada kali pertama setahun kemudian dengan disertai enam IPTA iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berlangsung selama tiga tahun berturut-turut, festival ini terhenti sementara pada 2004 dan dihidupkan semula pada 2006 dengan



JOHAN...Pasukan dari USM menerima piala kemenangan mereka daripada Ramlah (dua kanan) sambil diperhatikan Kasim (kanan sekali).

(UMP) hadir sebagai pemerhati.

ADAPTASI

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Kasim Md Mansur ketika berucap di penutupan festival itu pada Ahad lepas berkata, selain penting untuk menghidupkan seni dekon, penganjuran festival ini juga amat penting untuk menghimpunkan penggiat seni ini yang terdiri daripada golongan mahasiswa untuk menghayatinya.

Kata beliau, pengalaman yang diperolehi oleh peserta

mampu membantu mereka menjadi lebih kuat dalam menghadapi cabaran hidup kerana untuk mementaskan dekon dengan penuh penghayatan, mereka perlu menjiwainya dan dengan cara itu, mereka akan dapat memahami kandungan dekon yang merupakan adaptasi dari realiti kehidupan.

"Di pentas lakon ini, kita mendidik manusia untuk memahami kehidupan, mengajak mereka berfikir tentang apa yang berlaku dan hikmah di sebaliknya," katanya yang berharap peserta terus meningkatkan kemahiran seni dekon

mereka.

Tambah Kasim, penganjuran ini pula menjadi medan signifikan kepada UMS untuk menjalin kerjasama dengan IPTA lain selain mengukuhkan hubungan dengan agensi kerajaan terlibat.

Bagi Pengarah Festival Dekon Makum 2011, Wan Hafizuddin Wan Hassan, penganjuran festival ini menjadi platform penting untuk mencungkil bakat mahasiswa dalam snei persembahan selain membuka ruang untuk mereka menimba ilmu dalam bidang seni teater.

Bertemakan 'Kemasyarakatan Sejagat' yang berkait rapat dengan kehidupan, festival ini merupakan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat.

"Saya amat berharap agar penganjuran ini akan diteruskan pada masa akan datang memandangkan ia memberi banyak manfaat kepada semua peserta yang terlibat terutamanya dalam menjana minda kreatif mahasiswa.

"Diharapkan juga para peserta festival kali ini akan memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi untuk meningkatkan potensi diri



TERBAIK...Pengarah 'Chainarong' dari USM, Khairul Azhar Abd Jalil (kiri) menerima Anugerah Skrip Terbaik daripada Kasim (tengah). Turut kelihatan Wan Hafizuddin (kanan sekali).

dan menggunakannya untuk kelangsungan seni dekon ini," kata Wan Hafizuddin.

MENANG

Sementara itu, karya USM, 'Chainarong' terpilih sebagai Johan Anugerah Festival Dekon Makum 2011 untuk membawa pulang wang tunai RM1000, piala dan sijil manakala UKM melalui 'Damia' meraih naib johan membolehkan mereka mendapat RM700, piala dan sijil. Tempat ketiga dimenangi UMS melalui 'Cheongsam Merah Untuk Ying' untuk membawa pulang RM500, piala dan sijil.

'Chainarong', yang mengangkat tema cinta dan dendam memikat hari juri melalui plot kisah yang boleh menukar seorang kawan kepada lawan melalui lakonan mantap tiga terajunya, Izzardzaflil Padzil, Sheikh Abdul Rahman Zainal Abidin dan Khairul Azhar Abd Jalil yang juga pengarah Chainarong.

Komposer Azmeer yang juga mahasiswa UMS turut menyumbang kepakaran muziknya untuk pementasan ini.

'Damia' oleh UKM yang menggunakan kisah seorang anak yang terhimpit oleh hubungan buruk ibu bapa pula cuba merungkai kisah kehidupan itu melalui persoalan 'mengapa aku dilahirkan?'

UMS melalui 'Cheongsam Merah untuk Ying' mengisahkan kelahiran wanita yang dianggap sebagai bebanan dan ditipu oleh ahli keluarga sendiri

sehingga memusnahkan maruah dirinya. Pengakhiran kisah Ying tidak segembira yang diharapkan walau dia ada cinta yang perlu diperjuangkan.

Di samping itu, untuk anugerah lain, Anugerah Skrip Terbaik menyaksikan USM tampil unggul di tempat pertama diikuti UMS di tempat kedua dan Unisza di tempat ketiga melalui 'Ngilu' yang turut meraih Anugerah Khas Juri. USM juga turut memenangi Anugerah Kesan Artistik.

Dekonis USM, Sheikh Abdul Rahman pula memenangi Anugerah Dekonis Terbaik manakala Anugerah Dekonis Harapan dirangkul Baizurah Osman.

KISAH MANUSIA

Seperti kata Ketua Pengarah JKKN, Datuk Norliza Roffi dalam ucapan yang disampaikan Pengarah JKKN Sabah, Ramlah Amir, penghayatan dalam bidang snei sebenarnya adalah salah satu bentuk latihan kepimpinan dan membuka minda melalui lakon pentas. "Dekon menjadi proses kepada mahasiswa untuk membentuk keyakinan diri, melahirkan individu kreatif dan merangsang pemikiran intelektual di samping mempraktikkan pengurusan organisasi yang efisien.

"Dekon menjadi medium pengajaran secara langsung, yang membolehkan kita merenung kehidupan dan dijadikan iktibar untuk menjadikan diri lebih baik dari semalam dan esok lebih baik dari hari ini," katanya.



MENANG...Wakil dari Unisza yang mendapat tempat ketiga Anugerah Skrip Terbaik menerima hadiah daripada Kasim (tengah). Turut kelihatan Wan Hafizuddin (kanan sekali).

kepada pembelajaran teknik pengurusan dan pengolahan idea.

Dekon, singkatan daripada deklamasi dan lakon diilhamkan oleh Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, dan idea mengadakan dekon tercetus ketika beliau memberi ceramah tentang karyanya, Daerah Zeni. Beliau berpendapat dekon boleh dipentaskan oleh sesiapa sahaja tanpa perlu ilmu lakon yang tinggi tetapi

penganjuran Bengkel Dekon Makum di UKM yang merupakan inisiatif oleh Sekolah Pengajian Seni UMS.

Tahun ini menyaksikan pertambahan penyertaan kepada tujuh peserta iaitu tuan rumah, UMS, UKM, USM, UTM, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) selain Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Pahang



MENARIK...Persembahan daripada Pensyarah UMS, Tasia Arlina Ismail yang penulis asal Cheongsam Merah untuk Ying bersama pelajar SM All Saints.